MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 35 No. 26 | **31hb Disember 1991** | *TAMBAHAN No. 95 PERUNDANGAN (A)*

RO

Repeal by P.U.A 520/05

Am: P.U.(A) 80/94

**P.U. (A) 475.**

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

PERINTAH SARAAN PEGUAMCARA 1991

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada kami oleh subseksyen (3) seksyen 113 Akta Profesion Undang-Undang 1976, kami Jawatankuasa Kos Peguamcara membuat perintah yang berikut: Akta 166.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Saraan Peguamcara 1991.**

2. Perintah ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992.

3. Saraan seseorang peguamcara berkenaan dengan urusan selain daripada urusan bertikaian hendaklah—

*(a)* berkenaan dengan jualan, pembelian atau lain-lain bentuk pemindahhakan bagi menyelesaikan mana-mana urusan, saraan bagi peguamcara yang menjalankan urusan sama ada bagi pihak penjual atau pembeli hendaklah mengikut Jadual Pertama. Dalam hal mana-mana penjualan dan pembelian di mana tiada hakmilik individu/strata dikeluarkan peguamcara yang menjalankan pemindahan kemudiannya berhak untuk mengenakan suatu fee di bawah Jadual Keenam; (P.U.(A) 80/94

*(b)* berkenaan dengan penyewaan/pajakan dan perjanjian-perjanjian bagi penyewaan/penjualan dalam Jadual Kedua, atau perjanjian-perjanjian mengkhaskan sewa, bagi menyelesaikan mana-mana urusan, saraan bagi peguamcara yang menjalankan urusan itu hendaklah mengikut Jadual Kedua;

P.U. (A) 479.

## AKTA AKAUNTAN 1967

### PERINTAH AKAUNTAN (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 1991

Akta 94.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 14 (7) Akta Akauntan 1967, Menteri, selepas meminta nasihat Institut Akauntan Malaysia, membuat perintah yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Akauntan (Pindaan Jadual Pertama) 1991** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 18hb Mei 1989.

Pindaan Jadual Pertama.

2. Jadual Pertama kepada Akta Akauntan 1967 adalah dipinda dengan menggantikan noktah di akhir perenggan *(f)* dalam Bahagian I dengan koma bertitik dan perkataan "or" dan dengan menambah selepas itu perenggan baru yang berikut:

"*(g)* the final examination of Universiti Pertanian Malaysia for the Degree of Bachelor of Accounting (Honours) or, in the national language, 'peperiksaan akhir Universiti Pertanian Malaysia untuk Ijazah Bacelor Perakaunan (Kepujian)'.".

Dibuat pada 6hb Disember 1991.
[ANM (T) Sulit 23/76 Pt. 7 (6); PN. (PU²) 229.]

ANWAR IBRAHIM
*Menteri Kewangan*

## ACCOUNTANTS ACT 1967

### ACCOUNTANTS (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 1991

Act 94.

IN exercise of the powers conferred by section 14 (7) of the Accountants Act 1967, the Minister, after seeking the advice of the Malaysian Institute of Accountants, makes the following order:

Citation and commencement.

1. This Order may be cited as the **Accountants (Amendment of First Schedule) Order 1991** and shall be deemed to have come into force on the 18th May 1989.

Amendment of First Schedule.

2. The First Schedule to the Accountants Act 1967 is amended by substituting for the full stop at the end of paragraph *(f)* in Part I a semicolon and the word "or" and by adding the following new paragraph thereafter:

"*(g)* the final examination of Universiti Pertanian Malaysia for the Degree of Bachelor of Accounting (Honours) or, in the national language, 'peperiksaan akhir Universiti Pertanian Malaysia untuk Ijazah Bacelor Perakaunan (Kepujian)'.".

Made the 6th December 1991.
[ANM (T) Sulit 23/76 Pt. 7 (6); PN. (PU²) 229.]

ANWAR IBRAHIM,
*Minister of Finance*